

Greenpeace Malaysia Beri Amaran Terhadap Risiko Kredibiliti ASEAN

‘Time to Resist’ Seru Pemimpin ASEAN Supaya Tidak ‘Jual Maruah’ Menjelang Lawatan Trump, Demi Damai dan Iklim.

KUALA LUMPUR - Sehari sebelum ketibaan Presiden Amerika Syarikat Donald Trump, aktivis Greenpeace Malaysia melaksanakan aksi aman, menyeru pemimpin Malaysia dan ASEAN supaya mempertahankan integriti serta keadilan apabila berdepan dengan sikap munafik dalam penafian iklim dan kekejaman perang Donald Trump.

Sepanduk berwarna hijau terang dengan mesej ‘TIME TO RESIST’ digantung di beberapa jambatan utama di pusat bandar untuk menonjolkan kebimbangan bahawa menyambut kedatangan Trump berisiko mengiktiraf lakonan politik seorang tokoh yang dikritik kerana menolak beberapa resolusi gencatan senjata dalam perang Palestin, serta menafikan sains iklim.

Greenpeace Malaysia menegaskan bahawa kesan peperangan masih belum berakhir, terutamanya apabila pemimpin yang menafikan perubahan iklim turut mengabaikan kemanusiaan dan kemusnahan alam sekitar akibat peperangan, kesan ini yang akan terus menghantui mangsa perang, jauh selepas gencatan senjata diumumkan.

Tindakan ini merupakan seruan untuk menentang kemunafikan dan mengingatkan pemimpin ASEAN agar menunjukkan ketegasan semasa berurusan dengan Trump, serta tidak tunduk kepada permainan politik yang bercanggah dengan prinsip keadilan dan kebenaran, dan melemahkan perjuangan menegakkan keadilan iklim di rantau yang paling terdedah kepada krisis iklim di dunia.

Heng Kiah Chun, Greenpeace Malaysia Ketua Juru Kempen berkata:

“Sebagai rakyat Malaysia, kami mahu pemimpin kami menepati kata-kata mereka tentang keamanan, keadilan, dan masa depan bumi. Malaysia boleh berdagang dengan sesiapa, tetapi tidak boleh menjual prinsipnya.”

“Pesanan kami kepada Trump jelas: Jangan veto gencatan senjata dan kemudian kononnya perjuangkan keamanan. Jangan nafikan krisis iklim dan kemudian berpura-pura mahu selamatkan dunia.”

“Peperangan memusnahkan nyawa dan tanah air. Menafikan kesannya sama seperti menafikan perubahan iklim, bermakna menafikan masa depan manusia dan peluang bumi untuk dibaik

pulih.”

“Ini bukan isu pasal melawan kuasa, tetapi isu tentang maruah. Kepimpinan sejati bukan diukur dengan sejauh mana kita dekat dengan kuasa, tetapi dengan keberanian untuk berdiri teguh mempertahankan kebenaran dan integriti.”

Greenpeace Malaysia akan bersama gabungan masyarakat sivil esok (Okt 26) untuk menyeru keadilan bagi mangsa perang, kebertanggungjawaban terhadap penafian, dan kepimpinan ASEAN yang berprinsip.

Kempen **#TimeToResist** merupakan sebahagian daripada gerakan global yang menentang kebangkitan golongan bilionair, oligarki dan korporat yang melemahkan keadilan, demokrasi dan kemajuan di seluruh dunia dengan menutup suara pengkritik, menyekat kebebasan bersuara, serta melindungi kepentingan golongan berkuasa daripada dipertanggungjawabkan.